

Headline	Durian Besut manis, isi tebal		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Jul 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	36	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	246 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,215
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,646



Durian Besut manis, isi tebal

JERTIH- Durian daripada Besut bukan calang-calang kualitinya malah dikatakan setanding dengan raja buah dari beberapa kawasan di negara ini.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu, Fauzi Mohamed berkata, isi durian kampung Besut lebih enak dan berkualiti.

“Isinya tebal, lemak dan manis termasuk ulas berwarna kuning yang memang dinantikan penggemar durian,” katanya.

Justeru katanya, raja buah dari kebun milik Kamaruddin Che Omar di Kampung Pengkalan Sentul dekat Seberang Jertih terpilih untuk dibawa ke Program Durian Day yang akan berlangsung di pekarangan Ibu Pejabat FAMA Terengganu, Kuala Terengganu pada 7 Ogos depan.

“Siri jelajah ke beberapa pasar tani di negeri ini telah diadakan dan mendapat sambutan baik orang ramai,” katanya kepada pemberita ketika melawat kebun durian milik Kamaruddin, 61, di Pengkalan semalam.

Hadir sama pegawai kanan FAMA negeri dan Pegawai FAMA Besut, Abd Rashid Che Muda.

Fauzi berkata, sebanyak 30 hingga 40 metrik tan durian kampung dan klon akan dijual pada program tersebut termasuk dari Perak, Kedah, Pahang dan Johor.

Menurutnya jualan pada harga istimewa antara lima hingga 20 peratus berbanding harga pasaran.

“Kita juga bercadang menjual satu plastik dengan harga RM20 namun bergantung kepada bekalan. Orang ramai juga boleh membeli manggis dan petai,” katanya.

Fauzi memberitahu, durian Terengganu dan Kelantan dijangka gugur dalam jumlah yang banyak pada awal bulan depan dan bakal dijual pada harga RM4 atau RM5 ke atas bagi sekilogram.



Fauzi (tiga dari kiri) melihat durian di kebun milik Kamaruddin di Kampung Pengkalan Sentul semalam.